

29 MAR 2002

Mustapa-Umno

UMNO KELANTAN TAK BERGOLAK TAPI SEMAKIN KUAT, KATA MUSTAPA

JELI, 29 Mac (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata tidak ada pergolakan dalam kepimpinan Umno di negeri itu sebaliknya parti itu semakin kuat terutamanya di peringkat akar umbi.

"Kita semua bekerja kuat di Kelantan, ketua-ketua bahagian turun ke bawah sepanjang masa dan saya lihat sokongan rakyat terhadap Umno semakin meningkat," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mustapa diminta mengulas laporan muka depan akhbar New Straits Times hari ini bahawa 12 daripada 14 ketua bahagian Umno Kelantan mahu beliau dan empat lagi pemimpin Umno negeri ditukar kerana mendakwa mereka tidak menjalankan tugas dengan baik.

Katanya dakwaan berkenaan tidak akan menggugat keyakinan rakyat yang semakin meningkat kepada Umno.

Ketua Pemuda Umno Kelantan, Rujhan Salleh pula berkata tidak ada sebab kenapa Mustapa perlu digugurkan daripada jawatannya.

Beliau berkata Mustapa merupakan seorang pemimpin yang kuat bekerja dan diterima oleh masyarakat serta mampu membawa perubahan.

"Kita mencabar supaya mereka terlibat menampilkan diri. Kita yakin khabar angin ini dimainkan oleh parti-parti pembangkang yang cuba untuk memecah belahkan Umno Kelantan yang kini lebih padu," katanya.

Rujhan berkata sejak kebelakangan ini, pembangkang tidak senang dengan sokongan rakyat terhadap Umno seperti yang terbukti dengan kemasukan ramai bekas anggota Pas.

Katanya Pemuda Umno Kelantan sentiasa berdiri teguh di belakang Mustapa dan tidak akan membiarkan khabar angin itu merosakkan parti.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata Umno tidak akan melayan sebarang bentuk usaha menyikirkan mana-mana pemimpin Umno kerana perbuatan seperti itu boleh membawa perpecahan dalam parti.

"Jawatan itu adalah lantikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Apa nak pertikaikan lagi," katanya.

-- BERNAMA

WM BD MAI